

**PERSEMBAHAN UCAPAN
YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
SEMPENA
MAJLIS JAMUAN MALAM MAJLIS KONVOKESYEN KE-9
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
PADA HARI JUMAAT, 10 OKTOBER 2015, PUKUL 8.00 MALAM
DI ZENITH HOTEL, KUANTAN**

SALUTASI

Saudara pengacara majlis;

Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Haji Adnan Haji Yaa'kob,

Menteri Besar Pahang;

Yang Hormat Dato' Mohd Hilmey Mohd Taib,

Pengerusi Lembaga Pengarah UMP;

Tuan Syed Mohammad Hamzah al-Junid Syed Abdul Rahman,

Ahli Lembaga Pengarah UMP;

President, Rectors and Representatives

from foreign institutions;

Wakil-wakil Naib Canselor Institusi Pengajian Tinggi Awam;

Rakan-rakan saya dari UMP:

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Mortaza Mohamed,
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa);

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin,
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni);

Profesor Dr. Mashitah Mohd Yusoff,
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi);

Profesor-profesor, Dekan-dekan, Pengarah-pengarah
dan Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab;

Para graduan penerima anugerah serta keluarga;

Tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi;

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

KATA PEMBUKA

1. Alhamdulillah, sukalah saya merafakkan setinggi-tinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Ta'ala, kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izin-Nya, maka majlis jamuan malam sempena Konvokesyen Ke-9 UMP ini dapat dilangsungkan.
2. Bagi pihak pengurusan dan seluruh warga UMP, saya ingin mengucapkan selamat datang dan mengalu-alukan hadirin sekalian, khususnya tetamu kehormat kita, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Haji Adnan Haji Yaakob, Menteri Besar Pahang ke majlis ini.

MAKLUMAT KONVOKESYEN KE-9

4. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja,
Tuan-tuan dan puan-puan;

Sejak majlis konvokesyennya yang pertama pada tahun 2006, UMP telah mengeluarkan seramai 9,301 orang graduan. Majlis Konvokesyen Ke-9 yang akan bermula pada hari esok hingga 12 Oktober 2014 ini pula menyaksikan seramai 2,453 graduan menerima ijazah dan diploma masing-masing.

5. Daripada jumlah 2,453 graduan tersebut, seramai 22 orang merupakan graduan Doktor Falsafah, 88 orang graduan Sarjana, 1,510 orang graduan Sarjana Muda dan 833 orang graduan Diploma.

6. Sukacita saya menyatakan di sini bahawa bilangan graduan ijazah tinggi, iaitu Doktor Falsafah dan Sarjana telah meningkat dengan signifikan dalam Majlis Konvokesyen Ke-9 ini.

7. Jumlah keseluruhan 110 orang graduan ijazah tinggi tersebut merupakan peningkatan sebanyak 32.5% berbanding hanya 83 orang pada tahun 2013.

8. Peningkatan ini merupakan satu isyarat positif bahawa program pengajian pasca-siswazah di UMP mempunyai prospek yang besar untuk dikembangkan lagi selain program-program pengajian pra-siswazah dan seramai 13 orang graduan telah terpilih untuk menerima pelbagai anugerah dan hadiah kecemerlangan akademik yang berprestij dalam majlis konvokesyen kali ini.

9. *Alhamdulillah*, kesediaan pelbagai pihak industri dan korporat yang terkemuka untuk menyumbang anugerah dan hadiah kecemerlangan tersebut mencerminkan keyakinan mereka terhadap kecemerlangan tanda mutu Universiti ini

KECEMERLANGAN PENGANTARABANGSAAN

10. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja,
Tuan-tuan dan puan-puan;

Selain medan apresiasi kepada para graduan cemerlang, majlis ini turut mengabadikan penghargaan kepada rakan-rakan strategik UMP dari kalangan institusi-institusi pengajian tinggi antarabangsa.

11. Sukacita juga dimaklumkan bahawa rakan-rakan kolaborasi akademik antarabangsa ini turut menghantar perwakilan mereka ke Majlis Konvokesyen Ke-9 ini.

12. Ini termasuklah Rektor Karlsruhe University of Applied Sciences, Jerman; Presiden Northern Illinois University, Amerika Syarikat; Rektor Universitas Sumatera Utara; Pengarah Akademik *Malaysian-Turkish Dialogue Society* dan Pengarah Yayasan AMIK Tunas Bangsa Medan, Indonesia.

13. Memorandum Perjanjian yang dimetrai dengan Northern Illinois University pada 11 Februari 2014 telah membolehkan tiga program Sarjana Teknologi Kejuruteraan iaitu Tenaga & Persekitaran, Elektrikal dan Pembuatan dikawal standardnya berdasarkan kriteria *Accreditation Board for Engineering and Technology* (ABET) di Amerika Syarikat.

14. Dalam tahun 2014 ini juga, ruang kerjasama bagi pertukaran akademik dan penyelidikan telah turut dirintis dengan Universiti Dezhou, China; Muscat College, Oman; Universitas Muhammadiyah, Surabaya dan Kakatiya University, India.

15. Selain itu, kolaborasi akademik dengan Karlsruhe University of Applied Sciences (HsKA) dalam penawaran program dwi-ijazah di peringkat pengajian Sarjana Muda kini telah dikembangkan lagi bagi program dwi-ijazah di peringkat Sarjana.

16. Surat Niat (*Letter of Intent*) mengenainya telah dimetrai pada 3 September 2014 yang bakal menyaksikan UMP dan HsKA menawarkan program dwi-ijazah Sarjana dalam bidang kejuruteraan automotif.

17. Sementara itu, UMP telah turut menerima lawatan akreditasi dari *National Bureau for Academic Accreditation & Education Quality Assurance* (NBAQ), Kuwait bagi program dwi-ijazah dengan HsKA.

18. Selain itu, Panel Jabatan Negara Amerika Syarikat telah turut membuat lawatan audit kesedaran dan keselamatan bagi Makmal Bio-Aromatik yang kini dikendalikan oleh Fakulti Sains & Teknologi Industri dan Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Bio-Aromatik UMP.

KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN

19. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja,
Tuan-tuan dan puan-puan;

Dari sudut penyelidikan pula, sukacita patik menyembah maklum bahawa sehingga Oktober 2014, sebanyak 535 projek penyelidikan aktif dijalankan di UMP dengan nilai pembiayaan RM53.02 juta. Ianya melonjak 106% berbanding tahun 2013 yang mana projek penyelidikan aktif ketika itu berjumlah 259 dengan nilai RM 16 juta.

20. Di samping geran–geran tersebut, UMP terus diberi kepercayaan melaksanakan projek konsultansi untuk membangunkan kompleks pemprosesan makanan laut yang bernilai RM 6 juta di Mukim Kuala Pahang, Daerah Pekan. Projek yang dijalankan oleh sekumpulan pensyarah dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) ini sudah pasti akan mengubah lanskap dan persekitaran di kawasan tersebut.

21. Selain itu, UMP juga telah berjaya mendapatkan geran dari Majlis Amanah Rakyat (MARA) berjumlah RM20 juta untuk membangunkan projek Gelatin Halal.

22. Projek yang pertama seumpamanya di Malaysia ini akan dibangunkan di satu kawasan yang dinamakan UMP *Industrial Technology Engineering Creativity Space* (ITECS) yang telah dikenalpasti sebagai pembangunan *Science Park* UMP.

23. Kesedaran untuk mendaftarkan produk penyelidikan yang dihasilkan oleh warga UMP juga semakin meningkat. Sehingga bulan Oktober 2014, sebanyak 27 harta intelek dalam bentuk paten, hakcipta dan rekabentuk industri telah didaftarkan oleh para penyelidik UMP.

24. Terkini, projek penyelidikan yang diketuai oleh Profesor Madya Dr. Noraziah Ahmad dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP) telah dipilih sebagai pemenang Anugerah Harta Intelek Negara 2014 (Kategori Hak Cipta) pada 2 Oktober 2014 yang lalu.

25. Projek penyelidikan beliau iaitu “Binary Vote Assignment on Grid Quorum (BVAGQ)” adalah berkaitan dengan pengurusan pangkalan data teragih bagi meningkatkan kebolehan capaian data dengan efektif serta pengurusan storan yang minimum untuk mengelakkan pembaziran.

26. Dari sudut penerbitan ilmiah pula, UMP terus konsisten memberi tumpuan kepada kualiti berbanding dengan kuantiti.

27. Sehingga September 2014 sebanyak 486 penerbitan ilmiah telah dihasilkan oleh para pensyarah UMP, merangkumi karya asli, monograf, artikel jurnal, kertas persidangan, bab di dalam buku (*Chapter of book*) dan rencana ilmiah.

28. Lebih manis lagi apabila *International Journal of Automotive and Mechanical Engineering* (IJAME) telah diindeks oleh pangkalan data terkenal dunia iaitu SCOPUS dan *Elsevier Bibliographic Database* (EBD) dalam tempoh yang singkat, sekaligus membuktikan kemampuan UMP dalam menghasilkan kualiti penerbitan bertaraf dunia.

29. SCOPUS juga telah merekodkan bahawa dalam bidang kajian *dye-sensitized solar cell* dan *electrospinning*, UMP berada di kedudukan pertama di Malaysia dari aspek jumlah sitasi yang diperoleh daripada penerbitan artikel-artikel jurnalnya, sekali gus mengatasi universiti penyelidikan lain.

30. Manakala dari segi jumlah keseluruhan sitasi pula, UMP berada di kedudukan tertinggi dalam kalangan MTUN (Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia).

31. Dan yang terkini, menurut laporan daripada *Source Normalized Impact per Paper (SNIP)*, *Impact per Publication (IPP)* dan *SCImago Journal Ranking (SJR)*, IJAME merupakan jurnal yang mempunyai impak tertinggi berbanding dengan jurnal-jurnal sains di negara ini, sekali gus meletakkannya di tangga pertama dalam kedudukan jurnal Scopus di Malaysia. Selain itu, IJAME juga berada di ranking ke-237 daripada 683 jurnal mekanikal di dunia berdasarkan laporan SJR.

32. Hal ini adalah merupakan gambaran dan refleksi sebenar kualiti penerbitan yang telah dihasilkan oleh UMP dan sekali lagi, UMP telah diiktiraf sebagai universiti terbaik di Asia oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) apabila telah mencatatkan peratusan paling tinggi sebanyak 131 peratus bagi penghasilan penerbitan dan kerjasama serantau dalam bidang kejuruteraan.

33. Kejayaan ini adalah hasil kerja keras para penyelidik dan pensyarah yang terus kekal memberikan tumpuan untuk menghasilkan penerbitan ilmiah yang berkualiti tinggi.

34. Penyertaan para penyelidik UMP dalam pelbagai pemeran dan pertandingan penyelidikan di dalam dan di luar negara sepanjang tahun 2014 juga telah mencipta kejayaan yang cemerlang.

35. Sukacita dimaklumkan bahawa penyertaan tersebut secara keseluruhannya telah menghasilkan kutipan sejumlah 46 pingat dan anugerah, iaitu 23 pingat emas, 13 pingat perak dan lima pingat gangsa serta lima anugerah khas.
38. *Insyallah*, berkat permuafakatan kolektif antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan, UMP akan terus mengorak langkah kearah kecemerlangan yang lestari berpandukan strategi dan inisiatif yang telah dirangka oleh pihak pengurusan.

KATA PENUTUP

39. Yang Amat Berhormat Dato' Sri,
Tuan-tuan dan puan-puan;

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingi mengambil peluang untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah bertungkus-lumus menyumbangkan khidmat bagi menjayakan majlis ini, termasuklah dari segi persediaan tempat, logistik dan persembahan yang menghiburkan tadi.

40. Berkat doa semua, mudah-mudahan Majlis Konvokesyen Ke-9 yang bermula esok akan berjalan dalam keadaan yang lancar, teratur dan tenteram, tanpa sebarang kejadian yang tidak diingini.

41. Kepada graduan cemerlang yang turut hadir bersama keluarga masing-masing pada malam ini, tahniah diucapkan atas kejayaan anda. Semoga kecemerlangan ini akan menjadi inspirasi kepada warga mahasiswa yang lain.

Sekian, *Wabillahi taufiq walhidayah,*

wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.